



KEMENTERIAN KERJA RAYA  
MALAYSIA

**TEKS UCAPAN**  
**YB TUAN BARU BIAN**  
**MENTERI KERJA RAYA**

**MAJLIS PERASMIAN PROJEK MENAIKTARAF  
JALAN PERSEKUTUAN FR5 DARI SABAK  
BERNAM KE HUTAN MELINTANG  
DAERAH SABAK BERNAM, SELANGOR  
DARUL EHSAN**

**12 OKTOBER 2018**

## **TEKS UCAPAN YB MENTERI KERJA RAYA**

---

Terima kasih saudara/saudari pengacara majlis

**Yang Berhormat YB Tuan Haji Mohd Anuar Bin Mohd.Tahir**  
Timbalan Menteri Kerja Raya Malaysia

**Yang Berbahagia Dato' Sri Zohari bin Haji Akob**  
Ketua Setiausaha Kementerian Kerja Raya Malaysia

**Yang Berbahagia Dato' Sri. Ir. Dr. Roslan Bin Md Taha**  
Ketua Pengarah Kerja Raya

**Yang Berbahagia Dato' Meor Abdul Aziz Bin Hj Osman**  
Timbalan Ketua Pengarah Kerja Raya (Sektor Infra)

Dif-dif kehormat

Pegawai-pegawai Kementerian Kerja Raya, Jabatan Kerja Raya, agensi kerajaan yang lain, pihak Kontraktor, rakan-rakan media massa, Tuan-Tuan, Puan-Puan dan para hadirin sekalian.

### **Selamat Petang dan Salam Sejahtera**

Saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kerana kita dapat bersama-sama hadir di majlis perasmian projek Menaiktaraf Jalan Persekutuan FR5 dari Sabak Bernam ke Hutan Melintang pada petang ini.

Dengan penuh kesyukuran akhirnya projek Menaiktaraf Jalan Persekutuan FR5 dari Sabak Bernam ke Hutan Melintang telah dapat disiapkan.

Di atas komitmen semua pihak, satu lagi projek menaiktaraf jalan yang memberi manfaat kepada rakyat, khususnya kepada penduduk setempat di daerah Sabak Bernam ini telah berjaya disiapkan oleh Kerajaan Persekutuan.

Ucapan penghargaan dan terima kasih juga di atas kerjasama dan sokongan padu semua pihak yang terlibat dalam menjayakan majlis ini.

### **Yang Berbahagia Dato'-Dato' dan para hadirin sekalian**

Pembangunan infrastruktur jalan adalah penting bagi memastikan rakyat mempunyai akses kepada kemudahan asas, peningkatan tahap produktiviti dan penambahbaikan penyampaian perkhidmatan. Kementerian Kerja Raya dan Jabatan Kerja Raya merupakan tunggak utama Negara dalam menerajui usaha kerajaan memantapkan sektor pembangunan infrastruktur melalui kepakaran teknikal industri pembinaan. Tidak boleh dinafikan pembinaan jalanraya dan kerja menaiktaraf jalan memberikan keselesaan dan keselamatan kepada pengguna jalanraya dan seterusnya kesan berganda terhadap pelbagai program pembangunan ekonomi penduduk setempat.

Projek Menaiktaraf Jalan Persekutuan FR5 Dari Sabak Bernam Ke Hutan Melintang adalah satu projek di bawah RMKe-10 dengan peruntukan yang diluluskan oleh Unit Perancangan Ekonomi (UPE), Jabatan Perdana Menteri (JPM) sejumlah RM 171 juta. Projek Menaiktaraf Jalan Persekutuan FR5 dari **Sabak Bernam ke Hutan Melintang** adalah merupakan sebahagian daripada projek Lebuhraya Pesisiran Pantai Barat: Menaiktaraf Jalan Persekutuan FR5 dari **Tanjung Karang ke Hutan Melintang** bagi jajaran di dalam negeri Selangor.

Di peringkat awal, Kementerian Kerja Raya (KKR) telah mengenalpasti bahawa jajaran FR5 dari Sabak Bernam Ke Hutan Melintang sepanjang 5 km perlu diberi keutamaan untuk dinaiktaraf daripada keseluruhan jajaran naiktaraf daripada Tanjung Karang ke Hutan Melintang sepanjang 50km kerana ianya boleh menyumbang kepada kesesakan trafik di kawasan pertemuan jajaran Tanjung Karang ke Sabak Bernam dan Sabak Bernam ke Hutan Melintang akibat perbezaan lorong di antara jalan tunggal 4 lorong dengan jalan tunggal 2 lorong.

### **Yang Berbahagia Dato'-Dato' dan para hadirin sekalian**

Di atas keprihatinan, kepekaan dan kesungguhan Kerajaan Persekutuan untuk menyelesaikan masalah kesesakan lalulintas dan mengurangkan kadar kemalangan maut di sepanjang jalan ini, Projek Menaiktaraf Jalan Persekutuan FR5

dari Sabak Bernam ke Hutan Melintang ini telah diamanahkan kepada Syarikat Mangkubumi Sdn. Bhd. sebagai kontraktor utama untuk dilaksanakan dengan kos kontrak RM164.19 juta secara Konvensional Perunding pada 27 Julai 2015 dan telah siap sepenuhnya pada 25 Jun 2018. Dengan ini iaanya dapat dimanfaatkan oleh semua pengguna jalanraya, khususnya penduduk setempat. Pengguna jalanraya semestinya akan mendapat faedah dengan perjalanan yang lebih selesa, lancar, dan selamat serta tanpa sebarang tol yang dikenakan.

Seterusnya saya ingin mengucapkan tahniah kepada Pasukan Projek Cawangan Jalan, JKR yang telah memberikan keprihatinan terhadap kepentingan pengguna jalan raya dan penduduk sekitar sepanjang pelaksanaan Projek Menaiktaraf Jalan Persekutuan FR5 dari Sabak Bernam ke Hutan Melintang ini. Komitmen daripada pihak Kementerian Kerja Raya serta kerjasama dan penglibatan semua pihak, sama ada secara langsung maupun tidak langsung, termasuklah Pihak Berkuasa Tempatan, syarikat utiliti, kontraktor dan juga perunding, telah menyumbang kepada kejayaan projek ini. Setinggi penghargaan saya ucapkan kepada semua yang terlibat.

Saya yakin dan percaya, kerjasama yang diwujudkan seumpama ini bukan sahaja memberi manfaat kepada semua

pihak terbabit malah yang lebih penting, kesejahteraan, keselesaan dan kebajikan rakyat dan penduduk sekitar kawasan ini sentiasa terpelihara.

Saya juga mengambil kesempatan ini untuk merakamkan ucapan jutaan terima kasih dan penghargaan di atas sokongan, komitmen dan kerjasama padu yang telah diberikan oleh semua pihak dalam menjayakan pelaksanaan projek ini

Akhir kata, saya dengan ini merasmikan pembukaan Projek Menaiktaraf Jalan Persekutuan FR5 dari Sabak Bernam ke Hutan Melintang .

Sekian, terima kasih.